



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN BENGKEL PEMBAIKAN
KEMALANGAN KENDERAAN AUTOMOTIF

ISI KANDUNGAN

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|-----|---------------------------------------|------------|
| 1.0 | PENGENALAN | 1 |
| 2.0 | LATAR BELAKANG | 1 |
| 3.0 | TUJUAN | 2 |
| 4.0 | DEFINISI BENGKEL PEMBAIKAN KEMALANGAN | 2 |
| 5.0 | SYARAT-SYARAT PERMOHONAN | 3 |
| 6.0 | PROSEDUR PERMOHONAN | 5 |
| 7.0 | PENGUATKUASAAN | 5 |
| 8.0 | LAMPIRAN | 6 |

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menetapkan setiap bengkel yang menjalankan aktiviti pumbaikan kemalangan hendaklah berdaftar dengan pihak JPJ. Pendaftaran ini bermaksud setiap bengkel yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti yang terlibat serta berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPJ.

2.0 LATAR BELAKANG

Pada masa sekarang, Bahagian Kejuruteraan Automotif menerima pelbagai jenis permohonan teknikal berkaitan kenderaan persendirian dan perdagangan. Setiap permohonan ini perlu / wajib mematuhi segala peraturan dan piawaian yang ditetapkan. Salah satu permohonan teknikal yang utama di Bahagian Kejuruteraan Automotif ialah permohonan penukaran / pumbaikan struktur panel kenderaan kemalangan. Permohonan ini diwajibkan kepada semua kenderaan yang mengalami kerosakan akibat kemalangan yang melibatkan komponen kritikal yang dikawal. Komponen kritikal ini merupakan antara komponen utama yang menentukan keselamatan sesebuah kenderaan.

Cara pumbaikan komponen-komponen ini perlu dikawal supaya memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak pengeluar dan mencegah dari berlakunya gangguan pada no.casis serta terjadinya kes kenderaan potong sambung. Sehubungan itu, bengkel-bengkel yang menjalankan pumbaikan kenderaan kemalangan perlu dididik dan dikawal supaya mutu pumbaikan dapat ditingkatkan dan memenuhi piawaian serta mengikut amalan kejuruteraan yang betul. Pengawalan ini dapat dilakukan melalui pendaftaran bengkel pumbaikan kenderaan kemalangan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

3.0 TUJUAN

- 3.1 Menerangkan kepada pemilik bengkel berkaitan prosedur dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk pendaftaran bengkel pembaikan kemalangan kenderaan automotif.
- 3.2 Memastikan bengkel pembalikan kemalangan kenderaan automotif melakukan pembalikan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

| | | |
|-------------------|---|--|
| Seksyen 6 | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Seksyen 10 | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Seksyen 17 | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Seksyen 66(1)(oo) | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Seksyen 66(1)(pp) | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Seksyen 117 | - | Akta Pengangkutan Jalan 1987 |
| Kaedah 94 | - | Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan Dan Penggunaan) 1959 |

4.0 DEFINISI BENGKEL PEMBAIKAN KEMALANGAN

Premis / Kedai / Bangsal yang mana aktiviti-aktiviti pembalikan terhadap kerosakan (*body repair*) pada kenderaan motor akibat mengalami kemalangan jalan raya.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Setiap bengkel hendaklah melengkapkan borang permohonan dan memberi salinan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di Para 5.2

- 5.2 Senarai dokumen yang perlu dilampirkan semasa permohonan
 - 5.2.1. Borang Permohonan Pendaftaran / Pembaharuan
 - 5.2.2. Salinan Pendaftaran Perniagaan dari Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah yang telah diperbaharui.
 - 5.2.3. Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - 5.2.4. Salinan Surat Pengesahan Keselamatan Bengkel/Surat Sokongan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)/Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah.
 - 5.2.5. Salinan Surat Kebenaran Memasang Jentera dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Perkejaan (JKKP).
 - 5.2.6. Salinan Sijil Pendaftaran dengan Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM)/Persatuan Takaful Malaysia (MTA) yang dikeluarkan operator takaful.
 - 5.2.7. Salinan Sijil Pendaftaran bersama Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia/Negeri (FAWOAM) sekiranya berdaftar.
 - 5.2.8. Salinan Sijil Layak menduduki premis (CF) bagi permohonan Pendaftaran Baru atau penukaran tempat perniagaan/berpindah ke premis yang baru.
 - 5.2.9. Salinan Sijil terdahulu Pendaftaran Bengkel Pembaikan Kemalangan Kenderaan Automotif dari Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Malaysia bagi permohonan Pembaharuan Sijil sahaja.

- 5.3 Perkara-perkara dan maklumat-maklumat berikut perlu diisyihar di dalam borang permohonan:
- 5.3.1 Maklumat berkaitan keselamatan bengkel dan jenis bahan buangan berjadual serta penyelenggaraan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).
 - 5.3.2 Senarai jumlah keseluruhan kakitangan/pekerja yang bekerja di Bengkel Pembaikan Pembaikan Kemalangan Kenderaan Automotif tersebut pada tahun semasa.
 - 5.3.3 Senarai rekod latihan/kursus dan seminar yang pernah diberikan pada kakitangan/pekerja.
 - 5.3.4 Senarai garis panduan/bahan rujukan dan kaedah yang diguna pakai semasa proses kerja-kerja pembaikan kenderaan kemalangan.
 - 5.3.5 Senarai peralatan/mesin/kelengkapan berserta gambar yang terdapat di dalam bengkel pembaikan kemalangan kenderaan.
 - 5.3.6 Senarai proses Kerja (S.O.P. Pembaikan Kenderaan Kemalangan) sekiranya ada atau digunakan.
- 5.4 Ruang perakuan pemohon ditandatangani dan dicop rasmi syarikat/bengkel pembaikan kemalangan kenderaan automotif.
- 5.5 Borang maklumat wakil dari bengkel pembaikan kenderaan kemalangan yang akan berurusan dengan pihak JPJ Bahagian Kejuruteraan Automotif Ibu Pejabat / Negeri dilengkapkan.
- 5.6 Sijil Kelulusan Pendaftaran Bengkel Pembaikan Kemalangan Kenderaan Automotif dikeluarkan / dicetak berdasarkan keputusan pemeriksaan audit teknikal yang dilakukan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Malaysia.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan boleh dibuat melalui Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Ibu Pejabat atau Negeri.
- 6.2 Permohonan boleh dibuat secara terus kepada JPJ atau melalui persatuan.
- 6.3 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan di Para 4.
- 6.4 Pihak JPJ akan melakukan audit/pemeriksaan teknikal di bengkel setelah permohonan yang telah lengkap diterima.
- 6.5 Bengkel yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diberi tempoh perakuan sijil selama 2 tahun dan hendaklah memperbaharui sijil tersebut sebelum atau selepas tamat tempoh.
- 6.6 Tiada sebarang bayaran dikenakan bagi proses permohonan.

7.0 PENGUATKUASAAN

- 7.1 Pelaksanaan pendaftaran bengkel pembaikan kemalangan ini akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2016.
- 7.2 Setiap bengkel yang menjalankan aktiviti pembaikan kemalangan perlu berdaftar bermula 1 Januari 2016.
- 7.3 Penguatkuasaan akan dilaksanakan bermula 1 Julai 2016 iaitu melalui pengawalan semasa permohonan penukaran / pembaikan struktur panel kenderaan kemalangan dikemukakan di JPJ.
- 7.4 Permohonan dari bengkel yang tidak berdaftar tidak akan diproses bermula 1 Julai 2016.
- 7.5 Pihak Persatuan Insurans AM (PIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) serta Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia / Negeri (FAWOAM) perlu memaklumkan kepada ahli berkaitan penguatkuasaan peraturan ini.

8.0 LAMPIRAN

- 8.1 Borang Pendaftaran Bengkel Pembaikan Kemalangan.
- 8.2 Senarai Semak Pendaftaran Bengkel Pembaikan Kemalangan.